

IBU SOKO

KEUNGGULAN WANITA DALAM ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN

Adat Perpatih menggunakan sistem suku bercorak matrilineal yang mengambil garis keturunan daripada sebelah ibu. Hal ini amat berbeza dengan Adat Temenggong yang menitikberatkan keturunan sebelah bapa. Oleh sebab Adat Perpatih menggunakan sistem matrilineal, maka wanita mempunyai kedudukan tertentu dalam sistem ini. Masyarakat Adat Perpatih memanggil wanita dalam istilah adat sebagai "Ibu Soko". Mereka diberikan tempat utama dalam sistem Adat Perpatih dan dimuliakan.



Secara umumnya, Ibu Soko berperanan penting dalam Adat Perpatih dan telah diwarisi oleh masyarakatnya sejak zaman-berzaman. Walau bagaimanapun, peranan Ibu Soko, yang merupakan warisan budaya yang sangat berharga, kini tidak diendahkan oleh masyarakat, khususnya golongan wanita di sana. Oleh hal yang demikian, melihat kepada pentingnya warisan budaya ini, penulis ini menggunakan Teori Sastera Warisan bagi mengangkat semula budaya ini agar terus terpelihara dan terjaga sepanjang zaman.

Berdasarkan teori ini, para pengkaji mengupas tentang perkembangan yang berlaku terhadap Ibu Soko dalam Adat Perpatih. Sebagai warisan, waris yang menerima berhak memanfaatkan warisannya dengan berbagai-bagai cara, iaitu menerima seadanya, mencerna demi perubahan zaman, mengekalkan sebahagian dan menghilangkan sebahagiannya, serta menambah pula dengan unsur baharu sehingga menjadi tradisi baharu yang bakal diwariskan. Penjelasan ini merujuk pewaris kesinambungan Ibu Soko, iaitu golongan wanita pada masa ini.

Sebagai misalnya, masyarakat, sama ada yang mengamalkan Adat Perpatih atau tidak, perlu menerima seadanya adat ini yang memberikan keutamaan kepada wanita. Adat memberikan rumah, tanah, sawah ladang kepada kaum perempuan atau Ibu Soko bukanlah disebabkan mereka dianggap lebih tinggi daripada lelaki, tetapi disebabkan mereka memerlukan lebih perlindungan. Lelaki dianggap boleh membanting tulang empat kerat, boleh membuat kerja yang lebih berat dan kasar berbanding perempuan. Oleh sebab itu, harta pusaka diletakkan atas nama perempuan dan diwarisi oleh perempuan dari ibunya secara turun-temurun.

Wanita dan Adat Perpatih

Dalam konteks tradisional, terutamanya dalam tahun-tahun sebelum merdeka, nasab ibu menjadi dasar bagi organisasi sosial, ekonomi dan politik pada peringkat kampung dan supra-kampung. Untuk melestarikan kesinambungan sistem ini, kelompok kekeluargaan harus dikedalkan dan hal ini hanya dapat dicapai melalui wanita. Oleh sebab itu, wanita dalam Adat Perpatih dipanggil sebagai Ibu Soko,



Generasi muda menjadikan Ibu Soko sebagai ikutan dan teladan yang baik dalam aspek agama dan adat.

iaitu diberikan tempat utama. Hal ini dapat dilihat dalam teromba yang berikut:

*Tiang seri rumah pusaka,
Pusat jala kumpulan tali,
Semarak dalam kampung,
Hiasan dalam negeri.*

Dalam hal ini, peranan dan kewibawaan Ibu Soko juga dapat dilihat dalam menyusun atur adat istiadat dalam sesebuah majlis, seperti memasang tabir langit-langit, tabir lingkung dan sebagainya. Adat ini dikenali sebagai "Adat Mata" dalam Adat Perpatih. Perkara ini turut dijelaskan oleh Dato' Rajo Dimuda Ahmad Awalludin yang menyatakan bahawa segala persiapan dalam sesebuah majlis akan ditentukan oleh Ibu Soko, seperti susun atur tempat makan dan sebagainya.

Tambah beliau, terdapat ciri-ciri tertentu yang membezakan antara Ibu Soko dengan orang lain dalam sesebuah majlis perkahwinan dan peminangan. Sebagai misalnya, Ibu Soko akan menggunakan selendang daripada kain songket atau kain pelekat yang diselempangkan di bahunya.



Golongan wanita berperanan penting dalam Adat Perpatih.



Ibu Soko terlibat secara langsung dalam setiap majlis adat seperti cukur jambul.

Sulaiman Akop dari Luak Jempol pula berpendapat bahawa Ibu Soko seorang yang serba boleh dan agak sukar untuk dicari pada hari ini. Ibu Soko bertindak sebagai "ibu" yang berupaya mendidik, mengajar dan menunjuk perut sesuatu suku tersebut. Ibu Soko yang disegani ialah seseorang yang pandai mengambil hati anak buah sesuatu perut suku tersebut.

Secara lazimnya, Ibu Soko mempunyai ciri-ciri keperibadian yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, barulah Adat Perpatih bertambah cemerlang dan mudah diikuti oleh para anak buah. Antara ciri-ciri tersebut termasuklah bersifat benar dalam perbuatannya, jujur dan dapat dipercayai zahir dan batin, bijak berbicara dalam mendidik, dan pewaris harta pusaka. Selain itu, Ibu Soko perlu mengambil tahu apa-apa yang berlaku terhadap saudara lelaki dan perempuan, di mana kesemuanya tidak boleh dipisahkan dan saling sandar-menyandar antara satu sama lain. Dalam hal ini, sekiranya seorang lelaki kematian isterinya, maka menjadi kewajipan Ibu Soko atau waris perempuan menjemputnya pulang semula ke telapaknya, iaitu ke pangkuan waris lelaki.

Di samping itu, Ibu Soko mempunyai hak dalam kerapatan adat dan terlibat dalam majlis perbincangan adat secara langsung. Dalam pelantikan penyandang pusaka, Ibu Soko memainkan peranan penting untuk memilih calon yang layak menyandang pusaka adat. Ibu Soko akan menyenaraikan nama-nama yang dicalonkan, dan anak-anak buah akan membuat pilihan berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan, seperti tiada kesalahan dari segi adat dan mengetahui adat dengan baik. Melalui permuafakatan tersebut, Ibu Soko akan melantik penyandang pusaka di hadapan anak-anak buah. Ibu Soko juga berhak menurunkan penyandang pusaka adat.

Sememangnya penglibatan Ibu Soko jelas terserlah dalam setiap majlis beradat Adat Perpatih. Ibu Soko merupakan individu yang paling bising dan sibuk untuk menguruskan majlis, seperti kenduri atau "berolek". Ibu Soko berperanan untuk memastikan segala peralatan adat, seperti kain tabir lelangit dipasang dengan

Secara lazimnya, Ibu Soko mempunyai ciri-ciri keperibadian yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, barulah Adat Perpatih bertambah cemerlang dan mudah diikuti oleh para anak buah.

betul, tabir lingkungan disiapkan, tilam pandak dan tepak sirih disediakan. Semua peralatan ini terletak di ruang beradat. Malahan, Ibu Soko boleh mencadangkan supaya tuan rumah didenda jika peralatan adat tersebut tidak disediakan. Buapak akan menjalankan setiap apa-apa yang diarahkan dan yang dicadangkan. Buapak akan merujuk sebarang hal yang berkaitan dengan adat kepada Ibu Soko.

Tanggungjawab wanita sebagai Ibu Soko dalam Adat Perpatih sangat besar terhadap setiap anggota kelompok keluarganya. Hal ini dapat dilihat dalam teromba yang berikut:

*Telah didahulukan selangkah
Ditinggikan seranting
Dilebihkan sekuku
Dipanjangkan serambut
Diberikan beban berat
Petuah dan amanah berat.*

Antara tanggungjawab Ibu Soko termasuklah melaksanakan ketentuan agama dan adat. Setiap wanita dalam Adat Perpatih merupakan ibu contoh dalam



"Berolek" atau kenduri di Negeri Sembilan.

keluarga dan masyarakatnya. Oleh sebab itu, mereka menjadi ikutan bagi para generasi muda dan harus menunjukkan taulan yang baik dalam aspek keagamaan dan adat.

Wanita dalam Adat Perpatih turut bertanggungjawab meneruskan jurai keturunan kelompok keluarganya. Dalam hal ini, setiap anak yang lahir mengikut suku ibunya dan tidak menurut suku bapa. Oleh sebab itu, hubungan antara anak dengan keluarga ibu lebih rapat. Hal ini secara tidak langsung budaya sosial dan pendidikan anak lebih dipengaruhi oleh lingkungan keluarga ibu.

Di samping itu, wanita atau Ibu Soko bertanggungjawab memelihara harta pusaka. Wanita dalam Adat Perpatih sudah dilatih sebagai pelaku ekonomi. Oleh sebab itu, tanggungjawab mereka dalam mengendalikan harta adalah sama pentingnya dengan tanggungjawab yang lain. Wanita dalam Adat Perpatih mempunyai tanah, tempat tinggal, sawah dan ladang. Semua harta pusaka diberikan kepada golongan wanita dan lelaki hanya bertanggungjawab untuk menguruskan, mengawasinya dan memeliharanya, demi kepentingan kelompok keluarganya.


Walaupun wanita mempunyai hak dan kuasa ke atas harta, namun dalam pentadbiran rumah tangga, suami atau orang semenda masih bertanggungjawab dan berkuasa. Keadaan ini diperuntukkan dalam perbilangan teromba yang berikut:

*Bendul yang empat,
Semenda nan punya.*

Prinsip ini mewajibkan perkahwinan antara lelaki dengan wanita yang berlainan kelompok suku supaya setiap suku itu saling berkaitan antara satu sama lain sebagai keluarga besar. Oleh sebab itu, tidaklah berlaku persaingan antara kelompok.

Masyarakat Adat Perpatih menganggap bahawa setiap individu merupakan anggota keluarganya, perutnya, sukunya, luaknya dan negerinya. Asas ikatan darah dan perkahwinan pada peringkat bawah mengeratkan ikatan antara individu, kecuali dalam kalangan keluarga atau rumah tangga yang amat terbatas keanggotaan dan bidangnya. Dalam Adat Perpatih, rangkaian ikatan ini sentiasa dihargai dengan rasa yang mesra dan akrab, terutamanya dalam kalangan adik-beradik dan waris. Di sinilah peri pentingnya mengetahui susur galur keturunan melalui perempuan.


Peranan Ibu Soko dalam Adat Perpatih sebagai pelindung keluarga disebabkan oleh wanita lebih bertanggungjawab terhadap harta yang diwarisi berbanding kaum lelaki. Golongan wanita memegang



Tepak sirih merupakan satu daripada alatan adat di Negeri Sembilan.

amanah terhadap harta pusaka mempunyai obligasi ke atas harta yang diwariskan itu. Tanggungjawab yang paling utama adalah untuk menjaga nyawa dan darah setiap ahli dalam keluarga yang mempunyai ikatan darah daging.

Berdasarkan penjelasan tersebut, nyatalah bahawa sangat penting untuk kita melestarikan peranan wanita dalam Adat Perpatih agar budaya bangsa ini terus maju dan berkembang setiap masa. Penulisan untuk bertujuan untuk membongkar dan mencungkil apa-apa yang tersirat dalam institusi Ibu Soko agar masyarakat lebih memahami tentang peranan dan tanggungjawab wanita dalam Adat Perpatih. Tanggapan umum tentang kuasa wanita dalam Adat Perpatih yang dikatakan bersuara lantang, mendominasi dan berkuasa ke atas golongan lelaki perlu dibuang dan dihakis, agar Adat Perpatih ini tidak lagi menjadi bahan ejekan dan cemuhan masyarakat.

Secara tuntasnya, jelaslah bahawa Ibu Soko atau wanita dalam Adat Perpatih amat penting kerana peranannya sebagai pemegang amanah dalam melindungi dan mewujudkan kesejahteraan masyarakat dalam lingkungannya. Semoga penulisan ini dapat membantu sesiapa sahaja yang ingin mengetahui dan mendalami peranan wanita dalam Adat Perpatih. Bersama-samalah kita berusaha memartabatkan peranan wanita dalam adat ini agar kekal sepanjang zaman dan dapat pula diterajui dan dinikmati oleh generasi pada masa akan datang. Setiap penerangan turut ditegaskan oleh beberapa teromba untuk mengukuhkan hujah tentang Ibu Soko ini. Tanpa teromba, penerangan menjadi hambar dan itulah bahasa indah yang mengawal dan menjaga masyarakat Adat Perpatih itu sendiri. 

Penulis merupakan Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.